

# PM nyatakan sokong penuh

■ BEIJING 26 APRIL

**M**ALAYSIA menyokong penuh inisiatif Jalur dan Laluan kerana negara akan memperoleh manfaat daripada projek infrastruktur besar-besaran yang akan dilaksanakan, kata Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Bercakap dalam mesyuarat peringkat tinggi Forum Jalur dan Laluan untuk Kerjasama Antarabangsa di Pusat Persidangan Kebangsaan China, pemimpin berusia 94 tahun itu berkata, inisiatif Jalur dan Laluan adalah satu idea yang hebat.

“Saya menyokong sepenuhnya inisiatif Jalur dan Laluan. Saya yakin negara saya Malaysia akan mendapat manfaat daripada projek itu,” kata beliau dalam ucapannya.

Perdana Menteri yang tiba di sini tiga hari lepas untuk lawatan kerja lima hari ke China, ialah antara beberapa pemimpin yang diberi peluang untuk berucap dalam forum itu.

Presiden China Xi Jinping, yang mencetuskan idea mengenai inisiatif Jalur dan Laluan itu, merasmikan forum itu yang dihadiri oleh 37 pemimpin dunia dan

5,000 perwakilan dari 150 negara.

Dr. Mahathir, yang berada di sini bersama beberapa menteri Kabinet juga menyatakan bahawa dunia mendakwa bertamadun tetapi "orang-orang yang bertamadun ini memilih untuk membunuh satu sama lain bagi menyelesaikan masalah".

Keupayaan mereka untuk memusnahkan, menurut beliau, jauh lebih hebat daripada kemampuan mereka untuk membina.

“Adalah penting dunia menjadi kurang primitif dan menolak penggunaan kekerasan dan pembunuhan beramai-ramai untuk mendapat manfaat daripada pembukaan laluan baharu bagi perdagangan dan pengangkutan yang dijanjikan dalam inisiatif Jalur dan Laluan,” katanya.

Dalam ucapan yang disampaikan sebelum pemimpin dunia dan tokoh penting lain, Dr. Mahathir juga berkata teknologi moden dapat meningkatkan laluan antara timur dan barat.

Beliau juga turut mengajukan pertanyaan, sama ada kereta api boleh dibina lebih besar untuk membawa lebih banyak barangan, bahan mentah dan penumpang.

Laluan darat, beliau berkata

harus respons terhadap keperluan peningkatan perdagangan antara Timur dan Barat.

Dr. Mahathir berkata, perjalanan kereta api boleh memendekkan laluan antara Timur dan Barat kerana lebih pantas berbanding kapal laut.

Perdana Menteri juga berkata, apabila jumlah perdagangan meningkat dan memperkayakan rakan perdagangan, namun juga meningkatkan ancaman kepada negara pesisir akibat tumpahan minyak dan pembuangan sisa di laut, yang akan mengakibatkan pencemaran lautan.

Negara pesisir tidak dapat mengutip tol untuk membiayai kerja pembersihan kerana berlaku di perairan antarabangsa, katanya, merujuk kepada kejadian tumpahan minyak dan pencemaran yang berlaku di Selat Melaka.

"Mereka (negara pesisir) yang akan menerima kesan pencemaran dan mereka perlu mengekalkan angkatan yang besar untuk membersihkan laut dan pantai mereka. Adalah tidak adil bagi negara pesisir yang miskin harus dibebani dengan tanggungjawab ini," kata Dr Mahathir. - **BERNAMA**